



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

**MOTAC MELANTIK PEGAWAI PERHUBUNGAN (*FOCAL PERSON*) MOTAC
KEPADA RAKAN STRATEGIK PDRM DAN JPJ**

15 Mac 2023 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah melantik Pengarah MOTAC Negeri dan pegawai kanannya sebagai pegawai perhubungan (*focal person*) kepada Rakan Strategik Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Polis Diraja Malaysia (JSJK, PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri.

Kerjasama strategik MOTAC dengan JSJK, PDRM dan JPJ telah terjalin lama terutamanya dalam Sekatan Jalan Raya (SJR) bagi pemeriksaan kenderaan persiaran untuk pemeriksaan penggunaan khidmat pemandu pelancong, penggunaan kenderaan selain kenderaan persiaran yang telah dilesenkan dan pengendali kenderaan persiaran yang tidak berlesen serta penyiasatan perusahaan pelancongan, risikan dan sebagainya.

Kerjasama ini telah membuahkan hasil yang memberangsangkan. Berdasarkan rekod MOTAC, terdapat peningkatan bilangan kenderaan dan premis pengusahaan pelancongan yang diperiksa dan diberikan notis pemeriksaan untuk siasatan. Sepanjang tahun 2022 sebanyak 327 bilangan pemeriksaan dengan 71 notis pemeriksaan dikeluarkan kepada pengusahaan pelancongan. Manakala dalam dua (2) bulan pertama tahun 2023, MOTAC telah mencatatkan 394 bilangan pemeriksaan dengan 61 notis pemeriksaan.

MOTAC merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada JSJK, PDRM dan JPJ atas kerjasama erat di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri dalam menguatkuasakan kedua-dua Akta MOTAC iaitu Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] dan Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] serta peraturan-peraturan di bawahnya.

MOTAC yakin dengan kerjasama strategik PDRM dan JPJ akan melonjakkan semula nama Malaysia sebagai destinasi ideal pilihan utama pelancongan global yang menarik dan selamat.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my

Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac